



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SESI PEMURNIAN DAN LIBAT URUS
RANG UNDANG-UNDANG KUALITI BENIH TANAMAN 20XX DAN
PINDAAN AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004
(AKTA 634)**

**14 OGOS 2025 | KHAMIS
HOTEL IMPERIAL HERITAGE MELAKA**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Perasmian Sesi Pemurnian dan Libat Urus Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman 20xx dan Pindaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta 634)**.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berhormat Datuk Dr. Muhamad Akmal bin Saleh, Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Negeri Melaka** atas kesudian hadir dan menyempurnakan majlis ini. Sokongan padu daripada YB Datuk dan Kerajaan Negeri Melaka mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh sektor pertanian negara, khususnya pembangunan industri benih.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Jabatan Pertanian, selaku agensi peneraju dan pemilik dasar, bertanggungjawab membangunkan **Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman 20XX (RUU KBT)** sebagai satu inisiatif penting untuk mewujudkan asas perundangan yang lebih mantap bagi industri benih negara. Ini adalah usaha yang telah digerakkan sejak Mesyuarat Majlis Benih Negara pada 21 November 2011.
4. RUU ini digubal dengan objektif utama untuk:

- Mengawal selia benih terkawal merangkumi aktiviti pemprosesan, pengujian, penjualan, pengedaran, pengimportan dan pengeksportan;
 - Memastikan benih yang dihasilkan dan diedarkan menepati piawaian kualiti dan keselamatan yang ditetapkan; dan
 - Menyediakan pangkalan data industri benih negara yang lengkap dan berpusat.
5. Rangka undang-undang ini juga bakal menyaksikan penubuhan **Lembaga Kualiti Benih Tanaman**, yang akan menjadi badan kawal selia khusus untuk memastikan pelaksanaan undang-undang berjalan dengan telus dan berkesan.
 6. Sehingga kini, Jabatan telah melaksanakan **Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT)** dan **Skim Pengesahan Benih Padi**, masing-masing secara sukarela, bagi menjamin benih yang diedarkan adalah tulen dan berkualiti. Namun, pendekatan sukarela ini belum cukup kukuh untuk menangani isu penipuan, ketidaktentuan label dan ketidakseragaman hasil yang sering dihadapi oleh petani.
 7. Berdasarkan nilai pasaran global yang diunjurkan mencecah **USD110 bilion menjelang 2029**, industri benih bukan lagi sektor kecil. Namun, Malaysia masih bergantung kepada benih import — 90% bagi sayur-sayuran (RM77 juta, 2024) dan 100% bagi melon (RM2.7 juta, 2024). Ini mencerminkan keperluan

mendesak untuk memperkukuh kapasiti benih tempatan melalui kerangka perundangan yang lebih menyeluruh.

8. RUU ini, yang kini berada di peringkat akhir pembangunan, bukan sekadar dokumen teknikal, tetapi langkah strategik menyokong **agenda sekuriti makanan negara**, menjamin kesejahteraan petani dan memperkukuh rantai bekalan pertanian negara.
9. Pada masa sama, kita tidak boleh menafikan isu seperti benih tidak bercambah, label mengelirukan dan jualan benih tanpa pengesahan yang semakin banyak dilaporkan. Undang-undang ini akan membolehkan tindakan diambil secara berkesan, seterusnya membina semula keyakinan pengguna terhadap sistem kawal selia negara.

Sidang hadirin sekalian,

10. Selari dengan usaha memperkukuh sistem benih negara, **Jabatan Pertanian turut merangka pindaan kepada Akta 634**, iaitu Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan, bagi memastikan perlindungan harta intelek pembiak baka dilaksanakan dengan lebih efisien, telus dan menyeluruh.
11. Pindaan ini akan memperkukuh pelaksanaan Sistem Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan (PNVP) agar lebih efisien, telus dan diyakini, khususnya dari aspek prosedur permohonan, perluasan skop varieti yang layak dilindungi serta

jaminan perlindungan harta intelek kepada hasil pembiakbakaan tempatan dan antarabangsa.

12. Pada masa yang sama, Malaysia juga sedang mempertimbang secara serius penyertaan dalam **Kesatuan Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan (UPOV 1991)** sebagai salah satu langkah memperkukuh kredibiliti negara di peringkat antarabangsa dan menarik pelaburan dalam bidang R&D pertanian.
13. Keahlian dalam UPOV akan memperlihatkan komitmen negara terhadap perlindungan harta intelek pembiak baka, selain memperkukuh kepercayaan pelabur dan penggiat industri dalam ekosistem inovasi pertanian kita.
14. Semua usaha ini adalah selari dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0), yang mengangkat pertanian berasaskan inovasi, jaminan makanan dan peningkatan daya saing. Apabila pembiak baka dilindungi secara adil, mereka terdorong untuk menghasilkan varieti berkualiti tinggi yang akhirnya memberi manfaat langsung kepada petani.
15. Justeru, RUU KBT 20XX dan Pindaan Akta 634 adalah pakej pelengkap yang menyeluruh — menyentuh daripada aspek kawal selia teknikal, hak pembiak baka, hak petani, keperluan industri, dan pematuhan kepada piawaian antarabangsa.
16. Sepanjang dua hari sesi libat urus ini, kita telah menerima pelbagai cadangan bernas daripada peserta melibatkan aspek

perundangan, pentadbiran dan teknikal. Jabatan Pertanian akan meneliti secara menyeluruh input yang diterima sebagai asas untuk pemurnian akhir dokumen ini.

17. Saya percaya sesi ini bukan sahaja telah mencapai matlamat yang disasarkan, tetapi juga berjaya menyemarakkan kerjasama rentas agensi serta membina kefahaman bersama terhadap peranan undang-undang ini dalam memacu pertanian negara ke hadapan
18. Jabatan Pertanian kekal komited untuk memimpin proses pemurnian dan pemuktamadan RUU ini hingga ke peringkat pembentangan di Parlimen yang disasarkan pada tahun 2026. Ini adalah satu amanah besar yang akan kami galas dengan penuh tanggungjawab dan integriti..
19. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga, masa dan kepakaran sepanjang pelaksanaan sesi ini. Saya yakin hasil perbincangan akan diterjemahkan kepada draf peraturan, SOP dan garis panduan yang mantap dan praktikal — demi manfaat petani, industri dan negara.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum wbt.